

TARIKH : 11 JANUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3

Kadar kemiskinan tegar bandar menyamai di desa

Kadar kemiskinan tegar bandar menyamai di desa

KKDW tumpu program peningkatan, kemahiran semula penduduk

Oleh Farah Marshita
Abdul Patah
farahmarshita@bh.com.my


Kuala Lumpur: Kadar kemiskinan tegar di kawasan bandar negara ini, kini sudah menyamai keadaan di desa, kata Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Susulan itu, Kementerian Kejuruan Desa dan Wilayah (KKDW) akan memberi tumpuan kepada program peningkatan dan kemahiran semula penduduk bandar dan desa, bagi mengatasi masalah kemiskinan di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri KKDW, berkata kumpulan yang berada di bawah garis pendapatan isi rumah RM2,208 sebulan, kini dianggap sebagai mereka yang berada di bawah garis kemiskinan.

“Secara relatifnya kemiskinan tidak hanya boleh dilihat di kawasan desa, ia harus dilihat di pinggir bandar dan yang lebih parah lagi adalah kemiskinan dalam bandar.

“Perkara ini menjadi tumpuan kepada KKDW bersama kementerian lain dan MARA mempu-



Kerajaan akan menumpukan program peningkatan dan kemahiran semula penduduk bandar dan desa bagi mengatasi masalah kemiskinan di negara ini.

(Foto hiasan)

nyai peranan antara lain untuk menawarkan *reskilling* atau *upskilling* kumpulan sasar,” katanya dalam ucapan Majlis Santai Media di Menara Kuala Lumpur, di sini semalam.

Perlu fokus baharu
Pada majlis itu beliau meluangkan masa hampir dua jam untuk bertemu dengan pengamal media.

Sehubungan itu, Ahmad Zahid berkata, beberapa agensi kerajaan antaranya MARA, RISDA dan FELDA perlu mempunyai beberapa fokus baharu yang diperkenalkan.

Mengenai majlis itu, beliau berkata, jalinan kerjasama antara kerajaan dan media perlu dipertingkatkan bagi melebar

luaskan aktiviti kementerian.

“Saya terpukul kerana selama lebih empat tahun sembilan bulan tidak dapat bertemu dengan rakan media.

“Biar pun mengenali kebanyakannya pengamal media, namun terputus hubungan kerana ketika itu apa saji kenyataan dan ucapan dikeluarkan tidak lagi mempunyai nilai berita,” dakwanya.

Katanya, menerusi majlis itu beliau dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan pada masa yang sama saling bertukar pendapat.

“Pada masa yang sama kita mahu menghargai jasa media yang memainkan peranan cukup penting dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat,” katanya.